

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

Fokus jadi negara pendapatan tinggi

Fokus jadi negara pendapatan tinggi

Kerajaan perkenal 17 anjakan dan 71 inisiatif utama dalam KSP RMK12

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
KUALA LUMPUR

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) akan menumpukan usaha untuk menjadikan Malaysia negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi seiring dengan jiran-jiran di Asia yang semakin kaya dan membangun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak 17 anjakan dan 71 inisiatif utama telah diperkenalkan bagi memastikan keberhasilan perkara disasarkan tersebut menerusi Kajian Separuh Penggal RMK12 (KSP RMK12) yang bertemakan 'Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi'.

"Bagi memberi gambaran lebih jelas, pembentangan ini akan dicerakan melalui 12 penegasan yang menjadi inti pati KSP RMK12 dan distrukturkan meng-

ikut tiga tumpuan utama," kata beliau ketika membentangkan usul KSP RMK12 2021-2025 di Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Menjelaskan selanjutnya, Anwar berkata, kerajaan telah menyasarkan lonjakan pertumbuhan ekonomi sekurangnya 5.0 peratus setahun dalam tempoh RMK12 dengan memberi tumpuan kepada dua perkara teras iaitu memperkukuh produktiviti dengan menyegerakan peralihan kepada industri bernilai tinggi dan menerima guna teknologi termaju serta meningkatkan bakat berkemahiran.

Beliau turut berkongsi hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama kalangan pelabur dengan memperkukuh daya saing.

"Langkah utama adalah meningkatkan persekitaran perniagaan menerusi penambahbaikan peraturan perniagaan termasuk melalui unit MyMudah.

"Ini secara langsung akan merencanakan pelaburan langsung domestik yang secara bersinergi akan menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

"Pelaburan swasta disasarkan berkembang sebanyak 6.4 peratus setahun atau purata



Anwar (kiri) bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menunjukkan buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 bertemakan 'Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi' pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin.

RM300 bilion setahun dalam tempoh akhir RMK12," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turut memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan serta nilai tinggi bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi meliputi lima bidang iaitu industri berasaskan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi, industri pertanian dan asatani serta industri nadir bumi.

Menurut Anwar, selain meneruskan dasar pekerja asing tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja, kerajaan akan melaksanakan levi untuk pelbagai peringkat dalam masa terdekat bagi memastikan peluang pekerjaan untuk warga tempatan serta peralihan kepada automasi dan mekanisasi.

Beliau berkata, ketidakpadanan kemahiran, gaji yang rendah dan peningkatan produktiviti yang perlahan merupakan isu pokok

yang menghalang keupayaan Malaysia untuk beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

"Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah berani untuk memperkenalkan model gaji progresif yang memberikan manfaat bukan sahaja kepada golongan pekerja tetapi juga majikan.

"Dasar ini melibatkan peningkatan gaji, kemahiran dan produktiviti pekerja manakala majikan akan memperoleh faedah daripada peningkatan produktiviti, kesetiaan pekerja dan daya saing syarikat," katanya.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan untuk menggerakkan program dan projek yang mampu menjana pendapatan bagi golongan sasaran.

Beliau berkata, demi menjamin kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya, kerajaan berikrar untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun ini tanpa mengira etnik, mahupun keberadaan mereka di bandar, desa dan pedalaman.

"Langkah segera akan diambil untuk membasmi kemiskinan dengan memperkasa golongan rentan melalui pewujudan pelbagai peluang pekerjaan dan pengukuhan perlindungan sosial," katanya.